

APPLICABLE FOR ALL FLOATING RATE CONSUMER FINANCING PRODUCTS
TERPAKAI UNTUK SEMUA PRODUK PEMBIAYAAN PENGGUNA BERASASKAN KADAR TERAPUNG

1. What is the Base Rate? / Apakah itu Kadar Asas?

The Base Rate (BR) we offer for this product is made up of two parts, our benchmark Cost of Funds (COF) and the Statutory Reserve Requirement (SRR) cost imposed by Bank Negara Malaysia (BNM). Our benchmark COF reflects the cost of raising new funds based on 3-month Kuala Lumpur Interbank Offered Rate (KLIBOR) as the reference rate plus a Funding Cost Adjustment.

Kadar Asas (KA) untuk produk ini terbahagi kepada dua bahagian, penanda aras Kos Dana (COF) kami dan kos Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Penanda aras COF kami merupakan kos bagi mendapatkan dana baharu berdasarkan Kuala Lumpur Interbank Offered Rate (KLIBOR) untuk 3 bulan sebagai kadar rujukan ditambah dengan Pelarasan Kos Dana.

2. What are the possible scenarios to trigger a change in the Base Rate? / Apakah kemungkinan-kemungkinan yang menyebabkan perubahan Kadar Asas?

Our BR can rise or fall due to changes in the benchmark COF and SRR. Changes in the benchmark COF could occur due to changes in the Overnight Policy Rate (OPR) as decided by the Monetary Policy Committee of BNM, as well as other factors such as market funding conditions due to global and domestic economic environment.

KA kami boleh meningkat mahupun menurun ekoran perubahan penanda aras COF dan SRR. Perubahan ke atas penanda aras COF mungkin akan berlaku akibat perubahan ke atas Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang diputuskan oleh Jawatankuasa Polisi Kewangan BNM, termasuk faktor-faktor lain seperti keadaan dana pasaran ekoran persekitaran ekonomi global dan tempatan.

3. Will the monthly instalment and total payment amount vary upon changes in the Base Rate? / Adakah ansuran bulanan dan jumlah amaun bayaran berubah apabila Kadar Asas berubah?

Yes, the monthly instalment and total payment amount will vary upon changes in the *BR, you may refer to the following illustration to reflect the variation.

*Ya, ansuran bulanan dan jumlah amaun bayaran akan berubah apabila *KA berubah, anda boleh rujuk kepada ilustrasi berikut yang menunjukkan perubahan tersebut.*

Assumption 1 / Andaian 1 (Personal Financing / Pembiayaan Peribadi)

- Financing Amount / Amaun Pembiayaan : RM200,000
- Financing Tenure / Tempoh Pembiayaan : 10 years / tahun
- Effective Profit Rate / Kadar Keuntungan Efektif (EPR) : 4.63% p.a. / setahun (*BR + 2.11% p.a. / setahun)

Rate / Kadar (per annum (p.a.) / setahun)	Today BR / KA hari ini 2.52% + 2.11% = 4.63%	If *BR goes up by 1% / Jika *KA meningkat sebanyak 1%	If *BR goes up by 2% / Jika *KA meningkat sebanyak 2%
Monthly Instalment / Ansuran Bulanan	RM2,085.33	RM2,183.43	RM2,284.21
Total Profit at the end of 10 years / Jumlah Keuntungan pada akhir 10 tahun	RM50,239.60	RM62,011.60	RM74,105.20
Total Payment Amount at the end of 10 years / Jumlah Amaun Bayaran pada akhir 10 tahun	RM250,239.60	RM262,011.60	RM274,105.20

Assumption 2 / Andaian 2 (Property Financing / Pembiayaan Hartanah)

- Financing Amount / Amaun Pembiayaan : RM500,000
- Financing Tenure / Tempoh Pembiayaan : 20 years / tahun
- Effective Profit Rate / Kadar Keuntungan Efektif (EPR) : 3.15% p.a. / setahun (*BR + 0.63% p.a. / setahun)

Rate / Kadar (per annum (p.a.) / setahun)	Today BR / KA hari ini 2.52% + 0.63% = 3.15%	If *BR goes up by 1% / Jika *KA meningkat sebanyak 1%	If *BR goes up by 2% / Jika *KA meningkat sebanyak 2%
Monthly Instalment / Ansuran Bulanan	RM2,810.68	RM3,069.57	RM3,341.35
Total Profit at the end of 30 years / Jumlah Keuntungan pada akhir 30 tahun	RM174,563.20	RM236,696.80	RM301,924.00
Total Payment Amount at the end of 30 years / Jumlah Amaun Bayaran pada akhir 30 tahun	RM674,563.20	RM736,696.80	RM801,924.00


*BR = 2.52% p.a. (for illustration only). Please visit www.bankislam.com for the latest BR.

*KA = 2.52% setahun (bagi tujuan ilustrasi sahaja). Sila layari www.bankislam.com untuk KA terkini.

Based on the illustrations above, the Monthly Instalment shall be raised/ lowered with any increase/ decrease to the BR of the Bank provided that the monthly instalment will not exceed the contracted ceiling price. You may submit a written request to Bank Islam and the Bank may at its consideration maintain the same Monthly Instalment in spite of any increase to the BR, provided always that the same is sufficient to service the monthly profit. The difference in the monthly payment shall then be accumulated to the end of the financing tenure.

Berdasarkan ilustrasi di atas, Ansuran Bulanan akan dinaikkan/ dikurangkan seiring dengan kenaikan/ penurunan KA Bank dengan syarat ansuran bulanan tidak melebihi harga siling yang telah ditetapkan. Anda boleh menghantar permohonan bertulis kepada Bank Islam dan pihak Bank dengan budi bicaranya boleh mempertimbangkan untuk mengekalkan Ansuran Bulanan yang sama di sebalik kenaikan KA, bergantung kepada jumlah yang sama adalah mencukupi untuk menampung keuntungan bulanan. Perbezaan ke atas bayaran bulanan akan dikumpulkan sehingga tempoh tamat pembiayaan.

4. What is the historical benchmark Cost of Funds for the last 3 years (June 2019 until May 2022)? / Apakah rujukan penanda aras Kos Dana sejak 3 tahun kebelakang (Jun 2019 hingga Mei 2022)?



Note: The benchmark COF was based on 3-month KLIBOR as major COF component. Funding Cost Adjustment was applied to reflect Bank Islam's composition of its funding requirement.

Nota: Penanda aras COF adalah berdasarkan KLIBOR untuk 3 bulan sebagai komponen utama COF. Pelarasan Kos Dana digunakan untuk menggambarkan komposisi Bank Islam melalui keperluan pembiayaannya.

For more information, please visit www.bankislam.com or call our Contact Centre & Customer Care at 603 – 26 900 900 or visit our nearest branch.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan kami di talian 603 – 26 900 900 atau kunjungi cawangan terdekat kami.

Last updated: 14 June 2022